

# KESEDIAAN PELAKSANAAN PENERAPAN ELEMEN KEUSAHAWANAN TERHADAP STRUKTUR KURIKULUM PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

**Rosmani Ali,**

IPG Kampus Dato' Razali Ismail Kuala Nerus Terengganu

[rosse.alia@gmail.com](mailto:rosse.alia@gmail.com)

**Nor Aishah Buang, PhD**

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia,

## **Abstrak**

*Kajian ini bertujuan mendapatkan pandangan pensyarah Institut Pendidikan Guru Malaysia yang mengajar Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan di institusi latihan berkenaan penerapan elemen keusahawanan dalam pelaksanaan struktur kurikulum Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan di Institut Pendidikan Guru di Malaysia. Kajian yang menggunakan reka bentuk kajian kes ini melibatkan tujuh orang peserta kajian yang dipilih melalui pensampelan bertujuan iaitu mereka yang terdiri daripada pensyarah dan pelajar di IPG Zon Timur. Pengumpulan data dibuat melalui temu bual secara bersemuka dengan menggunakan protokol temu bual separa berstruktur. Data kualitatif ini dianalisis secara pendekatan analisis bertema dengan menggunakan perisian Atlas.ti versi 7.5.10. Tema yang diinterpretasikan disemak oleh rakan pengkaji dan ditriangulasi melalui peserta kajian. Dapatan menunjukkan pensyarah yang ditemu bual mempunyai pengetahuan dan kemahiran keusahawanan untuk kesediaan menerapkan elemen keusahawanan dalam pengajaran yang akan mereka laksanakan di bilik kuliah. Namun, mereka mencadangkan supaya lebih banyak pendedahan dan latihan berkenaan elemen keusahawanan diberikan supaya pelaksanaan penerapan elemen berkenaan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Manakala dapatan daripada pelajar menunjukkan mereka kurang mendapat kefahaman tentang elemen keusahawanan secara keseluruhannya dan mencadangkan supaya semua pelajar pada tahun akhir diberi kursus pemantapan kefahaman berkaitan elemen keusahawanan. Hasil kajian ini menunjukkan satu bentuk latihan atau kursus jangka pendek perlu dibina bagi menjadi panduan kepada pensyarah dan pelajar di institusi latihan perguruan agar dapat diterapkan apabila mereka berkhidmat di sekolah nanti.*

**Kata kunci:** *Elemen keusahawanan, struktur program, pengetahuan, latihan, kemahiran keusahawanan*

## **Pengenalan**

Kurikulum pendidikan sejak berdekad dahulu, secara umumnya bermatlamat membentuk pelajar supaya mempunyai perkembangan yang menyeluruh agar bersesuaian dengan kehidupan individu sebagai ahli masyarakat. Di samping itu, kurikulum pendidikan yang dibina juga perlu untuk pembangunan dan perkembangan pelajar sebagai manusia yang melibatkan etika kehidupan manusia yang berinteraksi dengan persekitaran dan alam spiritual (Armenaskis et al. 1993; Sufean 2004; Fullan 2011; Hussein 2012). Proses pendidikan diharapkan boleh menjadikan pelajar sebagai rakyat yang bertanggungjawab dan memenuhi kewajipannya sebagai seorang rakyat yang progresif, mahir dan cekap untuk melaksanakan tugas secara produktif dengan sempurna demi memberi sumbangan terhadap kemajuan dan perkembangan negara.

Pada 13 Julai 2005 Jemaah Menteri Malaysia telah meluluskan institut latihan maktab perguruan dinaik taraf kepada Institut Pendidikan Guru (IPG). Kini institusi ini telah mendapat mandat yang melayakkannya menganugerahkan ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian. Selaras dengan perubahan taraf tersebut, IPG telah melaksanakan program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP yang memberi latihan penuh secara formal peringkat ijazah sarjana muda kepada bakal guru yang akan ditempatkan perkhidmatan mereka di sekolah rendah. Matlamat utama IPG berteraskan visi dan misinya ialah sebagai peneraju kecemerlangan pendidikan guru dalam melahirkan guru yang kompeten dan berjiwa pendidik melalui program pembangunan guru yang dinamik ke arah pendidikan sekolah bertaraf dunia. Mendepani cita-cita ini, kurikulum IPG dibentuk sebagai suatu rangka pelan pengalaman pembelajaran untuk belajar dan pengalaman pembelajaran untuk mengajar bagi melahirkan insan guru yang professional dan bersepadu.

## **Pernyataan Masalah**

Kemahiran pendidikan dunia kini memerlukan para pengajar berupaya melahirkan generasi yang kaya maklumat, memiliki kekuatan minda yang kreatif dan inovatif, mempunyai nilai-nilai luhur dan murni, semangat jati diri, mengamalkan pembudayaan keusahawanan dan keterampilan (IPGM 2014; Boyatzis 2008; Bunker 2012). Kemahiran sebegini perlu dikuasai oleh para pengajar dengan sebaiknya agar pelaksanaan dapat memberi kesan yang terbaik. Di negara ini, walaupun elemen keusahawanan telah diberi penekanan dalam pelaksanaan kurikulum di sekolah rendah, namun aplikasi dalam P&P masih belum begitu memuaskan.

Dapatan kajian yang dijalankan oleh kumpulan penilai kurikulum dan pentaksiran pendidikan negara (KPM 2011.a) menunjukkan pengajar tidak memahami dengan sepenuhnya kaitan antara kurikulum dengan hasrat FPK kerana mereka lebih memberi fokus terhadap isi kandungan yang perlu disampaikan kepada pelajar bagi memenuhi kehendak peperiksaan dan pentaksiran yang lebih mengutamakan kecemerlangan pencapaian akademik. Dapatan kajian ini menunjukkan aspek keusahawanan mempunyai peratusan persetujuan yang paling rendah berkaitan objektif sukatan pelajaran dalam kalangan pengajar (Bahasa Inggeris, 22.0 peratus; Sains 50.0 peratus). Malahan, peratusan persetujuan elemen keusahawanan terhadap aspek isi kandungan hasil pembelajaran bagi mata pelajaran juga rendah (Sains 33 peratus). Ini kerana elemen keusahawanan kebiasaannya ditafsirkan berkait rapat dengan keupayaan individu untuk berusaha dan berniaga. Ini menyebabkan para guru di sekolah tidak cenderung untuk mengaplikasikan elemen keusahawanan semasa pengajaran. Ini menunjukkan, elemen

keusahawanan masih belum lagi dapat dikuasai sepenuhnya oleh para guru di sekolah bagi membolehkan mereka melaksanakan sepenuhnya dalam P&P. Adalah dicadangkan supaya IPG yang merupakan satu-satunya institut latihan perguruan di peringkat sekolah rendah memberi tumpuan terhadap usaha memantapkan pelaksanaan penerapan elemen keusahawanan dalam kalangan guru pelatih agar penghayatan pembudayaan ini dapat diteruskan apabila guru pelatih bertugas di sekolah kelak.

Dalam konteks di IPG, perubahan terhadap struktur kurikulum digambarkan dengan jelas bagi Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP). Program PISMP yang bermula tahun 2007 mengambil kira keperluan semasa pendidikan di sekolah dan perubahan untuk memenuhi keperluan ke arah ciri-ciri pembelajaran abad ke-21. Melalui perubahan struktur kurikulum yang diikuti, pelajar lulusan program PISMP di IPG diharapkan dapat menguasai hasil pembelajaran seperti mempunyai jangkaan terhadap keperluan dan kapasiti untuk menjalani pembelajaran berterusan, mempamerkan kemahiran pengurusan dan keusahawanan serta bertindak balas terhadap keperluan perubahan semasa dan mempunyai keterampilan sebagai agen transformasi bagi bidang pengajian yang diceburi (IPGM 2007; 2013). Matlamat program ini untuk melahirkan guru siswazah sekolah rendah yang terlatih, dinamik, berwibawa dan kompeten dalam melaksanakan tugas-tugas mereka sebagai pendidik bagi memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru. Walau bagaimanapun, adakah elemen keusahawanan yang terdapat dalam struktur kurikulum mencukupi untuk melahirkan seorang bakal guru yang kompeten? Bagaimana pula dengan penerimaan, penyebatian dan penghayatan pensyarah terhadap keperluan pelaksanaan elemen keusahawanan dalam struktur kurikulum bagi subjek yang diajar? Adalah mendukacitakan jika matlamat pendidikan sudah dinyatakan begitu jelas sekali dalam reka bentuk kurikulum dan hasil pembelajaran program PISMP, namun dari segi praktiknya ia tidak dilaksanakan dengan sewajarnya. Justeru, kajian ini amat perlu untuk menjawab persoalan yang diutarakan memandangkan aspek-aspek yang diutarakan belum lagi ditemui dalam kajian terdahulu.

Untuk mengaplikasikan elemen keusahawanan dengan berkesan ketika P&P, pensyarah perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran keusahawanan. Oleh itu bagi pensyarah yang kurang pengalaman dan pendedahan dalam bidang keusahawanan, mereka memerlukan panduan dalam menyediakan aktiviti pembelajaran yang menggunakan pendekatan keusahawanan. Menurut Hall & Hord (2011), seseorang pengajar walaupun berpengalaman akan menjadi seolah-olah guru novis apabila sesuatu kurikulum baru diimplementasikan. Hal ini berlaku kerana mereka harus menghadapi topik baru seperti isi kandungan baru dan pengetahuan kandungan pedagogi yang baru (Sanders & Ngxola 2009; Czerniawski 2011; Harris & Prescott 1982). Ling dan Wah (2015) mencadangkan agar sesuatu tindakan dapat diambil sebagai langkah intervensi untuk membantu para pengajar memahami kurikulum supaya mereka mendapat penjelasan yang tepat dan dapat melaksanakannya dengan betul.

Selain itu, kajian dalam aspek kesediaan dan bidang keusahawanan sememangnya sentiasa dilakukan sama ada di dalam negara ataupun di luar negara. Namun kebanyakan kajian keusahawanan dijalankan untuk melihat pendidikan keusahawanan dalam melahirkan individu sebagai usahawan. Sarjana terkenal luar negara menegaskan dalam kajian mereka bahawa sejak berdekad yang lalu telah semakin memberi tumpuan kepada keusahawanan dalam sempadan organisasi yang sedia ada. Penyelidikan tentang keusahawanan banyak menekankan aspek

keusahawan seseorang dari segi ciri-ciri mereka serta sokongan dalam organisasi (Antoncic & Hisrich 2003; Armenaskis & Harris 2002; Kuratko, Morris & Kevin 2007; Akaslan & Low 2011; Akin & Ed 2013). Namun, kajian mengenai kecenderungan terhadap pendidikan keusahawanan untuk melahirkan individu yang bersikap keusahawanan dalam pembentukan jati diri sebagai amalan kehidupan mereka masih kurang diambil perhatian oleh kebanyakan penyelidik.

Melihat kepada senario ini, amat perlu bagi pengkaji melaksanakan kajian ini untuk melihat kesediaan keusahawanan yang ada dalam kalangan pensyarah di IPG. Pensyarah di IPG merupakan tenaga pengajar sebagai '*educator*' kepada bakal guru yang akan menjalankan tugas dan amanah berkenaan di sekolah apabila mereka berkhidmat. Ia sejajar dengan pernyataan Bandura (1999; 2000) bahawa sebahagian besar manusia belajar melalui pengamatan secara selektif dan mengingat tingkah laku orang lain berdasarkan model yang merupakan salah satu langkah utama dalam proses pembelajaran yang terkesan. Implementasi pembudayaan keusahawanan seharusnya dapat membina ciri-ciri insan yang mempunyai jati diri ke arah kehidupan sebenar yang mampu bersaing menghadapi cabaran dan sentiasa boleh bersedia dengan perubahan.

### **Objektif dan Soalan Kajian**

Objektif kajian ialah untuk mengenal pasti kesediaan penerapan elemen keusahawanan yang terdapat dalam kalangan pensyarah IPG terhadap perubahan struktur kurikulum Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan di Institut Pendidikan Guru di Malaysia dan cadangan pensyarah di IPG untuk meningkatkan kesediaan menerapkan elemen keusahawanan dalam pengajaran yang akan mereka laksanakan. Soalan kajian adalah seperti berikut:

1. Apakah kesediaan pelaksanaan penerapan elemen keusahawanan yang terdapat dalam kalangan pensyarah IPG terhadap perubahan struktur kurikulum Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan di Institut Pendidikan Guru di Malaysia?
2. Apakah cadangan pensyarah IPGM untuk meningkatkan kesediaan mereka menerapkan elemen keusahawanan dalam pengajaran?

### **Literatur**

Modul Elemen Keusahawanan dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) di Malaysia menjelaskan tentang elemen keusahawanan asas yang perlu bagi diterapkan semasa pengajaran guru untuk mewujudkan asas pembudayaan keusahawanan dalam kalangan pelajar. Modul ini mengandungi konstruk-konstruk seperti sikap keusahawanan, pemikiran keusahawanan, pengetahuan dan kemahiran pengurusan perniagaan, teknologi dan vokasional keusahawanan dan nilai moral dan etika keusahawanan. Melalui penerapan kelima fokus utama ini diharapkan dapat membentuk satu proses dalam melahirkan ciri-ciri, sikap, kaedah berfikir dan nilai ke arah menjadi seorang individu yang mempunyai sifat sendiri yang berjaya. Penerapan elemen keusahawanan di dalam KSSR bertujuan membentuk ciri-ciri dan amalan keusahawanan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid-murid (KPM 2010).

Penerapan elemen keusahawanan melalui aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran merupakan sebahagian daripada proses pembudayaan keusahawanan yang membolehkan murid

sekolah rendah membiasakan diri dengan aspek kehidupan seharian yang berkaitan dengan amalan keusahawanan dan perniagaan. Penerapan elemen keusahawanan yang merupakan satu pendekatan membudayakan keusahawanan melibatkan proses pembentukan sikap tertentu yang dimiliki oleh seorang usahawan, latihan pemikiran keusahawanan, latihan kemahiran pengurusan perniagaan, aplikasi vokasional dan teknologi dalam keusahawanan dan akhir sekali amalan nilai moral dan etika dalam keusahawanan. Semua elemen penerapan ini dilaksanakan sesuai dengan tahap murid sekolah rendah mengikut situasi pelbagai disiplin ilmu dalam teras asas dan teras tema. (KPM 2010).

Pelajar yang mengikuti aktiviti pengajaran dan pembelajaran berkaitan penerapan elemen keusahawanan sekolah rendah dalam pelbagai disiplin ilmu akan; a) Mengamalkan sikap keusahawanan yang cemerlang; b) Mengaplikasikan pemikiran keusahawanan dalam situasi yang diperlukan; c) Mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran pengurusan perniagaan dalam aktiviti kehidupan seharian yang relevan; d) Memformulasikan sama ada konsep, proses atau produk keusahawanan berasaskan pengetahuan dan kemahiran teknologi atau vokasional; e) Mengamalkan nilai moral dan etika yang baik dalam keusahawanan.

Seorang pelajar seharusnya mempunyai sikap yang cemerlang untuk membolehkan mereka berjaya dalam bidang yang diceburi. Sikap cemerlang ini penting kerana ia menjadi asas kekuatan dalaman secara mental, emosi dan fizikal yang kukuh untuk mendorong pelajar menghadapi dan menangani pelbagai cabaran sehingga berjaya. (Ab. Aziz 2009; Syed Ismail & Ahmad Subki 2011; Barnet et al. 2013). Di samping itu pelajar juga perlu mempunyai tahap keazaman yang tinggi untuk mencapai cita-citanya sehingga memperoleh kejayaan yang maksimum. Sifat ini menyebabkan pelajar tidak mudah dipengaruhi oleh apa jua persekitaran luar selagi matlamatnya belum dicapai. Penerapan elemen keusahawanan secara implisit merentas melibatkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan standard kandungan dan standard pembelajaran kurikulum disiplin tersebut. Secara ringkas huraian tentang lima elemen utama keusahawanan adalah seperti Jadual 1.

Jadual 1: Kandungan elemen keusahawanan dalam Pendidikan Sekolah Rendah Di Malaysia

<b>Tema</b>	<b>Subtema</b>
<b>Sikap keusahawanan</b>	Komitmen yang tinggi, keazaman yang kuat, bertanggungjawab terhadap persekitaran, sangat peka kepada peluang, berani mengambil risiko yang dianggarkan, keyakinan diri yang tinggi, daya kreativiti dan inovatif, fleksibiliti, keinginan kepada maklum balas segera, tahap tenaga yang tinggi, motivasi untuk mencapai kejayaan, berorientasikan masa depan, kesanggupan belajar daripada kesilapan, berkeupayaan memimpin, sangat rajin bekerja, berorientasikan pencapaian, terus belajar, daya tahan yang kental, toleransi ketidakpastian yang tinggi, daya tahan yang tinggi, boleh membina jaringan sosial.
<b>Pemikiran keusahawanan</b>	Sentiasa berfikiran kritis, kreatif dan inovatif, mengenal peluang-peluang dalam persekitaran, memerhati persekitaran dengan sengaja dan bertujuan, menganalisis pemerhatian secara kritis dan kreatif, menghasilkan idea dari pemerhatian, memilih idea yang terbaik, menambah idea yang dipilih, menilai idea secara kritis, melaksanakan idea dalam bentuk produk, menyesuaikan idea

	baru dengan keperluan masyarakat dan persekitaran, meneruskan peningkatan kualiti idea.
<b>Pengetahuan dan kemahiran pengurusan perniagaan</b>	Mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran pengurusan perniagaan dalam situasi kehidupan harian yang relevan, mempraktikkan amalan-amalan tertentu seperti perbelanjaan harian, penabungan, mengurus transaksi jual beli, amalan penggunaan yang baik.
<b>Teknologi dan vokasional keusahawanan</b>	Mereka cipta produk keusahawanan yang baru, menghasilkan konsep, produk dan perkhidmatan yang boleh dikomersialkan.
<b>Nilai moral dan etika keusahawanan</b>	Jujur, ikhlas, tolong menolong, menjaga kesejahteraan masyarakat, persekitaran, emosi individu, tidak menindas dan memilih kasih, menghormati hak orang lain, menghormati cara hidup orang lain, menghargai kepelbagaian manusia, tidak mengelirukan masyarakat, sentiasa menyatakan yang benar.

Sumber: Kementerian Pelajaran Malaysia (2010)

Berdasarkan Jadual 1, pelajar perlu mengawal sendiri sumber-sumber dan menggunakannya untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Pelajar yang berjaya sentiasa memikirkan pencapaian matlamat. Bagi mereka, untuk mencapai matlamat yang ditetapkan perlu keupayaan peka, melihat dan mengambil peluang yang terdapat di persekitaran. Peluang boleh wujud akibat masalah yang ditimbulkan oleh orang lain, perubahan teknologi, perubahan cita rasa pengguna, perubahan cara hidup, perubahan sikap, sumber-sumber alam yang masih belum diterokai dan sebagainya (Kuratko & Hodgets 2007; Fayolle & Kyro 2008; Norashidah et al 2009).

Seseorang pelajar perlu bijak belajar mengurus risiko dan memastikan bahawa risiko yang diambil adalah munasabah dan berpatutan dengan ganjaran yang diterima. Seseorang pelajar yang berjaya mempunyai kadar keyakinan diri yang tinggi terhadap dirinya sendiri. Dia amat percaya bahawa dia dapat mencapai cita-citanya. Sifat ini menyebabkan dia optimistik dan mempunyai kepercayaan tinggi tentang kebolehnya untuk berjaya. Pelajar dengan minda yang kreatif dapat menyelesaikan masalah dengan logikal (Martin 2003). Kreativiti dijelaskan sebagai kebolehan mengadakan idea alternatif dan memperkembangkan idea baru tersebut selain boleh memberi pandangan lain terhadap sesuatu peluang, situasi dan masalah. Inovatif pula adalah kebolehan memperbaiki dan mengaplikasikan idea kreatif terhadap masalah dan peluang untuk memperkukuhkan dan memperkayakan sesuatu (Ab. Yusof 2009; McClelland 1987).

Kebolehan menyesuaikan diri terhadap perubahan persekitaran merupakan satu ciri pelajar yang berjaya. Dalam dunia sekarang yang sentiasa berubah, kebolehan bertindak dengan cara yang fleksibel memerlukan satu daya kreativiti yang tinggi (Ab. Yusof 2008; Abraham 2013). Seseorang pelajar yang berjaya suka untuk mengetahui prestasi mereka. Mereka memiliki keinginan yang kuat untuk menggunakan pengetahuan bagi membaiki prestasi mereka. Sikap ini sangat berkait rapat dengan kehendak untuk belajar dari kesilapan lalu. Seorang pelajar yang berjaya juga lebih bertenaga daripada orang biasa. Seorang pelajar yang berjaya sanggup menerima kegagalan sebagai satu keperluan untuk mencapai kejayaan. Kegagalan merupakan satu pengajaran supaya kesilapan yang sama tidak diulangi. Dengan sikap sedemikian, seseorang

pelajar akan dapat memperbaiki peluang untuk mencapai kejayaan (Siti Barnett et al. 2013; Richard & Claire 2008).

Seorang pelajar juga sentiasa berfikiran kritis, kreatif dan inovatif kerana mereka perlu mengenal peluang-peluang supaya boleh terus. Seorang pelajar yang berjaya selain mempunyai sikap dan pemikiran yang cemerlang boleh mengaplikasikan konsep pengetahuan dan kemahiran dalam situasi kehidupan harian yang relevan (Ab. Aziz 2009; Zulfaka 2013). Pelajar yang bertaraf tinggi adalah seorang yang boleh memformulasikan pengetahuan teknologi dan vokasional mereka untuk mereka cipta produk baru secara global. Pedagogi teknologi dan vokasional keusahawanan melibatkan praktis langkah-langkah dalam reka bentuk (design) yang menggabungkan pengetahuan dan kemahiran teknologi atau vokasional untuk menghasilkan sama ada konsep, produk dan perkhidmatan yang boleh dikomersialkan (KPM 2010; Zahri 2014; Solesvik 2013).

Nilai moral keusahawanan adalah ciri baik yang diterima secara universal yang ada dalam diri seorang usahawan. Nilai moral adalah semua nilai baik universal yang disukai atau disenangi semua masyarakat seperti jujur, ikhlas, tolong menolong dan banyak lagi. Nilai moral baik ini mendorong pelajar mengambil tingkah laku yang. Seorang pelajar perlu bertanggungjawab kepada masyarakat kerana peranan mereka sebagai peneraju pembangunan sesebuah negara (Ab. Aziz 2009; Antoncic & Hisrich 2001). Oleh itu mereka perlu mengamalkan nilai moral dan etika yang baik bagi memastikan keharmonian perjalanan urusan dari aspek mikro dan makro. Pedagogi nilai moral dan etika melibatkan situasi-situasi yang memerlukan pelajar membuat penilaian dan seterusnya cuba dilaksanakan dalam amalan kehidupan seharian mereka. Dalam kelas, pelajar boleh melakukan amalan nilai moral dan etika secara simulasi dan main peranan (KPM 2010; Mohd Asri & Ahmad Esa 2012; Nor Aishah 2013).

Melihat dalam konteks pendidikan abad ke-21, kepentingan elemen keusahawanan kini memaparkan keperluan memperkembangkan potensi kanak-kanak untuk menguasai kemahiran kreatif, inovatif, bekerja sebagai satu pasukan, memahami budaya orang lain dan berkomunikasi dengan baik serta mempunyai kemahiran keusahawanan (Barnett et al. 2013; Bunker 2012; Jake 2013). Abad ke-21 dipacu oleh ekonomi berasaskan ilmu pengetahuan, pertukaran maklumat yang pantas dan kederasan arus teknologi komunikasi yang menghendaki sistem pendidikan baru di seluruh dunia. Justeru di abad ke-21 pendidikan mesti memfokuskan untuk membentuk pelajar secara menyeluruh dari segi moral, intelektual, fizikal, sosial dan estetik. Pelajar perlu menguasai pengetahuan dan kemahiran baru bagi memastikan survival dan kejayaan, selaku individu, anggota masyarakat dan rakyat bagi sebuah negara. Pengajar pula perlu memiliki bukan sahaja pengetahuan tetapi kemahiran untuk menyediakan suasana pembelajaran yang menumpukan kepada pelajar (*student centred*), mendorong pelajar yang berpotensi tinggi sambil tidak mengabaikan pelajar yang memerlukan bimbingan dan intervensi. Pengajar perlu dapat mewujudkan pembelajaran yang menyuburkan daya kreatif, inovatif, komunikasi, boleh menyelesaikan masalah dan bekerja secara kumpulan. Pendidikan adalah pemangkin ekonomi (Razali 2005; Rosnani & Noazali 2011; Sufean 2007). Dalam dunia globalisasi yang berasaskan ilmu pengetahuan, rakyat yang berilmu menjadi aset memacu kemajuan ekonomi sesebuah negara. Justeru, sistem pendidikan yang dirangka sering berteraskan untuk memperkembangkan potensi setiap individu. Pelancaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 merupakan satu rumusan menggarap pemikiran semua yang berkaitan dengan pendidikan menjadi tunjang kepada

transformasi negara agar pemeraksanaan kecemerlangan pendidikan negara tidak usang (KPM 2012 (a).

Secara kesimpulannya, pendidikan keusahawanan hari ini perlu diberi perhatian serius dan merupakan komponen penting dalam menjana masyarakat Malaysia yang kreatif dan berinovasi seperti yang dihasratkan di bawah pelan pembangunan pendidikan negara.

#### Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian kes yang menjurus lebih khusus kepada kajian pelbagai kes di pelbagai tempat. Kajian ini melibatkan tujuh orang peserta kajian yang dipilih melalui pensampelan bertujuan yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah dan pelajar tahun akhir di IPG. Keterangan mengenai peserta kajian adalah seperti dalam Jadual 2.

Berdasarkan Jadual 2, didapati empat orang peserta kajian terdiri daripada pensyarah IPG yang berumur antara 43 hingga 50 tahun. Kesemua pensyarah adalah kelulusan Sarjana dan seorang daripada pensyarah berkenaan sedang menyambung pengajian di peringkat PhD. Manakala tiga orang peserta kajian terdiri daripada pelajar IPG yang berada di tahun akhir. Opsyen peserta kajian ialah Sejarah, Geografi, Teknikal dan Pendidikan Agama Islam. Kesemua peserta kajian pernah mendapat pendedahan mengenai elemen keusahawanan melalui latihan dan kursus-kursus yang diikuti semasa taklimat Kurikulum Standard Sekolah Rendah.

Jadual 2 : Maklumat Peserta kajian

Pengumpulan data dibuat melalui temu bual secara bersemuka dengan menggunakan protokol temu bual berstruktur. Data kualitatif ini dianalisis menggunakan pendekatan analisis bertema. Bagi memudahkan urusan menganalisis data, pengkaji menggunakan perisian Atlas.ti

<b>Peserta Kajian (PK)</b>	<b>Umur (Tahun)</b>	<b>Jawatan</b>	<b>Opsyen</b>	<b>Pendedahan Elemen Keusahawanan</b>
PK1	43	Pensyarah	Geografi	Pernah
PK2	50	Pensyarah	Sejarah	Pernah
PK3	48	Pensyarah	Teknikal	Pernah
PK4	43	Pensyarah	Pendidikan Seni Visual	Pernah
PK5	23	Pelajar	Sejarah	Pernah
PK6	23	Pelajar	Agama	Pernah
PK7	23	Pelajar	Sejarah	Pernah

versi 7.5.10. Tema yang diinterpretasikan oleh pengkaji disemak oleh rakan pengkaji dan peserta kajian. Kebolehpercayaan data kajian juga ditunjukkan daripada triangulasi data daripada tujuh orang peserta kajian. Di samping itu, data juga diperoleh berdasarkan kajian terhadap dokumen struktur PISMP iaitu Buku Panduan PISMP tahun 2007, 2013, 2014 dan 2015 dan dokumen dari



Ringkasan Maklumat Kursus (RMK) yang diguna pakai oleh pensyarah untuk pengajaran dan pembelajaran.

## **Dapatan Kajian**

### **Soalan kajian 1: Apakah kesediaan pelaksanaan penerapan elemen keusahawanan yang terdapat dalam kalangan pensyarah IPG terhadap perubahan struktur kurikulum Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan di Institut Pendidikan Guru di Malaysia?**

Dapatan kajian ini menunjukkan semua pensyarah yang dikaji mempunyai kesediaan untuk menerapkan elemen keusahawanan yang terdapat dalam struktur kurikulum PISMP. Malahan pensyarah mempunyai kesediaan yang sangat baik dari segi pengetahuan dan kemahiran. PK2, PK3 dan PK5: Saya sentiasa bersedia untuk melaksanakan kurikulum yang terdapat dalam program PISMP walaupun terdapat perubahan

PK1: Tidak sukar untuk melaksanakan penerapan elemen keusahawanan yang terdapat dalam kurikulum PISMP kerana telah dinyatakan dengan jelas dalam Ringkasan Maklumat Kursus.

PK4: Saya sentiasa bersedia melaksanakan apa-apa perubahan yang terdapat dalam kurikulum yang diajar.

PK6 dan PK7: Pada peringkat awal memang terasa sukar untuk melaksanakan penerapan 'soft skill' yang terdapat dalam RMK kerana kurang memahami keperluan elemen yang perlu dilaksanakan. Namun sekarang dengan perbincangan bersama rakan pensyarah, penerapan elemen yang terdapat dalam RMK dapat dilaksanakan dengan baik.

### **Soalan kajian 2: Apakah cadangan pensyarah IPGM untuk meningkatkan kesediaan mereka menerapkan elemen keusahawanan dalam pengajaran?**

Berdasarkan analisis terhadap data temu bual, untuk meningkatkan kesediaan menerapkan elemen keusahawanan dalam pengajaran dan pembelajaran, peserta kajian mencadangkan perkara-perkara seperti dalam huraian berikut:

#### **a) Tema 1 : Memberi pendedahan kefahaman tentang elemen keusahawanan dalam bentuk bengkel dan kursus.**

PK1 mencadangkan satu bengkel khusus untuk memberi kefahaman mengenai elemen keusahawanan dalam P&P masing-masing. Pendedahan kefahaman sebegini dapat memberi pemantapan kefahaman dan kesedaran kepada pensyarah untuk lebih menghayati pembudayaan keusahawanan. PK1 juga mencadangkan supaya sesi perkongsian daripada profesional mengenai elemen keusahawanan dalam pendidikan dan implikasi kepada masa depan negara turut diadakan. PK6 juga bersetuju dengan pandangan ini kerana menurutnya para pensyarah masih kurang faham tentang keperluan elemen keusahawanan dalam pendidikan. Malahan beliau sendiri tidak mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang mendalam dalam bidang keusahawanan. Justeru beliau mencadangkan supaya semua pensyarah dan pelajar yang berada pada tahun akhir pengajian diberikan pendedahan kesedaran dan kefahaman yang lebih mendalam tentang elemen keusahawanan agar dapat dihayati untuk diimplementasikan kepada pelajar sewaktu P&P.

#### **b) Tema 2 : Menyediakan contoh aktiviti pengajaran yang mengaplikasikan elemen keusahawanan.**

PK4, PK5 dan PK7 mencadangkan pihak IPGM menyediakan modul aktiviti pengajaran elemen keusahawanan yang disertakan dengan contoh kepelbagaian aktiviti pengajaran yang

mengaplikasikan elemen keusahawanan bagi setiap kursus yang diajar. PK4 berpendapat bahawa aktiviti pembelajaran yang dicadangkan mestilah sesuai dengan kehendak pembelajaran abad 21. Pengaplikasian elemen keusahawanan dalam aktiviti pembelajaran yang dicadangkan dapat memberi cetusan idea kepada pensyarah untuk menerapkan elemen keusahawanan sewaktu mengajar. Pandangan setiap peserta kajian adalah seperti dalam pernyataan berikut:

PK4: Contoh aktiviti pengajaran yang boleh masukkan simulasi kepentingan elemen keusahawanan seperti keberanian menghadapi risiko, kreativiti dan kepimpinan. Saya banyak menerapkan unsur kreativiti dan kebijaksanaan membuat keputusan apabila mengajar.

PK5: Contoh aktiviti setiap elemen keusahawanan amat penting dan perlu disediakan sebagai panduan kepada pensyarah.

PK7: Saya sangat kurang memahami cara untuk menerapkan elemen keusahawanan. Justeru saya amat mengharapkan agar pihak IPGM menyediakan contoh aktiviti kepada pensyarah supaya keberkesanan penerapan elemen ini kepada kami sebagai pelajar dapat dipertingkatkan.

### **c) Tema 3: Melakukan aktiviti pembelajaran di luar bilik darjah (PLBD).**

Peserta kajian PK2, PK3, PK6 dan PK7 mencadangkan pihak pengurusan memberi kebenaran untuk dilaksanakan aktiviti pembelajaran di luar bilik darjah seperti melibatkan aktiviti bersama institusi-institusi lain yang berkaitan. Menurut PK2, dengan melakukan aktiviti pembelajaran secara PLBD dapat memberi peluang kepada pelajar untuk menimba pengalaman secara 'hands-on' berkaitan bidang keusahawanan. Peluang sebegini dapat memberi pendedahan kefahaman dan pengalaman yang amat bermakna kepada pelajar. Pandangan PK3, PK6 dan PK7 adalah seperti berikut:

PK3: PLBD sangat membantu pelajar mendapat pengalaman sebenar untuk memperoleh kemahiran keusahawanan memandangkan pensyarah tidak dapat melaksanakan pengajaran terhadap elemen keusahawanan secara langsung sewaktu kuliah.

PK6: Cadangan saya perlunya diadakan sesi pengajaran dan pembelajaran di luar bilik darjah yang lebih khusus dengan melibatkan agensi-agensi lain yang berkaitan.

PK7: Elemen tersebut (keusahawanan) perlu disampaikan dalam bentuk aktiviti yang melibatkan murid secara langsung dalam situasi yang sebenar.

### **d) Tema 4: Pensyarah perlu ada pengetahuan dan kemahiran keusahawanan.**

Semua peserta kajian bersetuju bahawa pensyarah perlu mempunyai kemahiran dan pengetahuan keusahawanan untuk kesediaan mereka menerapkan elemen keusahawanan dalam pengajaran. PK3 mencadangkan pensyarah perlu berpengetahuan dan berkemahiran dalam aspek keusahawanan walaupun secara minimum supaya dapat menyampaikan idea pengajaran yang signifikan kepada pelajar. PK5 juga mencadangkan supaya pensyarah yang mengajar mereka mempunyai pengetahuan dan kemahiran asas keusahawanan agar dapat mengintegrasikan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan.

Perbincangan dan Cadangan

Dapatan kajian ini secara keseluruhannya menggambarkan pensyarah yang dikaji mempunyai kesediaan untuk menerapkan elemen keusahawanan. Mereka menerima perubahan struktur yang berlaku dalam kurikulum. Kajian ini bertepatan dengan dapatan Armenakis et al. (1993) yang menjelaskan bahawa kesediaan pengajar dan pendekatan pengajaran yang sesuai mempunyai hubung kait yang tinggi dengan tahap motivasi pelajar, tahap pencapaian akademik dan persepsi keseluruhan keberkesanan pengajaran. Malahan kajian Akaslan & Law (2011) juga

mendapati bahawa individu yang sentiasa bersemangat tinggi untuk mengajar terdiri daripada mereka yang selalu mempunyai kesediaan yang relevan apabila mengajar. Seorang pengajar yang berkesan perlu menguasai pengetahuan dan berkemahiran berkaitan dengan mata pelajaran yang diajar. Pengetahuan dan kemahiran pedagogi akan membantu pengajar mengubah suai kefahaman mereka mengenai isi kandungan tersebut kepada bentuk-bentuk pedagogikal yang baik serta bersesuaian dengan kebolehan dan latar belakang pelajar. Pengetahuan jenis ini juga dikatakan bertindak sebagai “peta konseptual” atau panduan kepada para pengajar dalam membuat keputusan tentang pengajaran, ini termasuk objektif yang hendak dicapai, pemilihan kaedah pengajaran yang sesuai dan jenis latihan yang harus diberikan dalam sesuatu pengajaran (Abd. Rahim 2007, Akaslan & Law 2011, Abraham 2013)

Struktur kurikulum merupakan salah satu elemen penting bagi seseorang pensyarah untuk dapat membina dan mengembangkan idealisme sosial dan moral yang digarapkan supaya boleh dihayati dan diterima oleh pelajar. Pengajaran yang dilakukan oleh pensyarah mempengaruhi perubahan dan mencorakkan pembangunan manusia yang kukuh dari segi akhlak dan moral, insan yang berpengetahuan, berdaya maju dan dapat menghadapi cabaran (Hussein 2012; Mohamad Sani 2007). Kualiti kurikulum yang dibina dapat menghasilkan pengajaran pensyarah yang mencorakkan pencapaian pelajar dan kemajuan institusi keseluruhannya. Ianya melibatkan aspek kesediaan terutama dari segi kelulusan, latihan, pengalaman, kepakaran, pengetahuan bidang kurikulum dan pedagogi, pengetahuan mata pelajaran yang diajar, inovasi pengajaran dan penggunaan kaedah-kaedah yang berkesan (Sufean 2006; Ab Rahim 2007).

Walau bagaimanapun, berdasarkan cadangan peserta kajian beberapa tindakan berikut perlu diambil kira. Cadangan tersebut ialah menyediakan bentuk latihan seperti bengkel dan kursus, menyediakan contoh aktiviti pengajaran yang mengaplikasikan elemen keusahawanan, pelaksanaan aktiviti di luar bilik darjah secara ‘hands-on’ dan peningkatan pengetahuan dan kemahiran para pensyarah itu sendiri. Berdasarkan cadangan ini, dapat dirumuskan bahawa untuk mengintegrasikan elemen keusahawanan dalam P&P para pensyarah perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran keusahawanan. Penekanan aspek pengetahuan pedagogi kandungan sebegini dapat menjadikan seseorang pensyarah mengajar dengan lebih berkesan kerana mereka memahami subjek yang diajar, mengetahui dan memahami matlamat kurikulum, kaedah pengajaran yang sesuai, memahami latar belakang murid yang diajar (Razali 2005). Dalam kajian ini, elemen keusahawanan yang perlu diaplikasikan semasa P&P merupakan sebahagian daripada pengetahuan pedagogi kandungan yang perlu dikuasai oleh pensyarah.

Bagi mengatasi masalah ini, pensyarah di IPG perlu diberi latihan dan bengkel secara berterusan untuk memantapkan kefahaman mereka mengenai elemen keusahawanan dalam konteks sekolah rendah supaya mereka boleh mengaplikasikan dalam P&P dengan lebih berkesan. Keperluan ini adalah selari dengan saranan Ling dan Wah (2015) yang mencadangkan agar sesuatu tindakan dapat diambil sebagai langkah intervensi untuk membantu pensyarah memahami kurikulum supaya mereka jelas dan melaksanakannya dengan betul. Dengan mempunyai latihan yang berkesan, pensyarah dapat memberi pengajaran dengan lebih baik. Pensyarah yang mempunyai pengalaman dan latihan yang baik boleh menjadi satu pengalaman yang dapat menjadikan seorang pensyarah yang dapat membentuk nilai kualiti peribadi yang berkesan. Para pensyarah berupaya bertindak sebagai pemikir, pemangkin, pendorong dan penyuntik untuk memantapkan pengajaran bagi kejayaan pelajar (Ab Yusof 2009). Kesedaran para pensyarah

terhadap keperluan pelaksanaan penerapan elemen keusahawanan ini dapat menggalakkan pelajar bertindak secara lebih proaktif, sensitif, kreatif dan inovatif kerana mampu mengambil faedah daripada kekuatan yang dimiliki, bersedia memperbaiki dan menilai kelemahan diri sendiri, cepat merebut peluang dan lebih berkemampuan untuk berhadapan dengan pelbagai ketidakpastian yang bakal muncul.

Pensyarah yang berpengetahuan menjamin kualiti pengajaran serta mencorakkan pengajaran negara mencapai pengajaran bertaraf dunia kelas pertama. Aspirasi ini memerlukan mereka yang lebih komited dan perlu sentiasa melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan berguna dan sekali gus dapat memajukan pengajaran negara. Syed Ismail dan Ahmad Subki (2011) menyatakan, seseorang yang berpengetahuan ialah individu yang berketerampilan, berdaya maju, berhemah, berdedikasi, serba boleh dari segi pengajaran, professional dan mempunyai status yang tinggi dalam masyarakat. Mereka yang berpengetahuan juga mempunyai minat membaca, cintakan kegiatan intelektual, mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat, dapat menyumbang pengetahuan kepada masyarakat melalui pengkajian dan penulisan ilmiah, dapat mempengaruhi hala tuju masyarakat, berani memimpin berasaskan kekuatan ilmu pengetahuan dan mempunyai jati diri berasaskan kekuatan intelektual yang tinggi (Abd Ghafar 2003; Sufean 2004; Syed Ismail & Ahmad Subki 2011; Akin & Ed 2013).

### **Kesimpulan**

Struktur kurikulum yang dapat dijana dengan baik oleh pensyarah mampu memberi faedah yang optimum kepada pelajar terutama dari aspek memiliki daya saing yang tinggi, berinsentif pengetahuan dan sedia berperanan sebagai penggerak dan pemangkin. Di samping itu, kepakaran, kemahiran dan pengetahuan yang tinggi dimiliki oleh pensyarah akan melahirkan pelajar yang memiliki kelebihan yang tersendiri (Nor Aishah 2013; Barnett et. al. 2013; Fullan 2011). Kelebihan kompetitif yang dibangunkan dalam kalangan pelajar akan meningkatkan keupayaan mereka untuk mengambil faedah daripada penggunaan teknologi, penjana kreativiti dan inovasi seterusnya lebih bersedia untuk menceburkan diri dalam cabaran persekitaran. Justeru, pensyarah yang berjaya membudayakan keusahawanan berupaya menjadi nadi kepada institusi pengajaran agar dapat memastikan pelajar memiliki kelebihan kompetitif yang tersendiri bagi menghadapi persaingan pendidikan di abad ke-21 ini.

### **Rujukan**

- Ab. Aziz Yusof. 2009. *Pendidikan Keusahawanan Dalam Konteks Pembangunan Negara*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Ab. Yusof. 2008. *Mengurus Perubahan Dalam Organisasi*. Shah Alam. Arah Publication.
- Abd. Rahim Abd. Rashid. 2007. *Profesionalisme Keguruan: Prospek Dan Cabaran*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Akaslan D. and Low. E. F. 2011. Measuring teachers' readiness for E-Learning; In higher education institutions associated with the subject of electricity in Turkey. *IEEE Global Engineering Education Conference (EDUCON)*. Pg:481 – 490.

- Akin, I., & Ed, D. 2013. *Strategies for Teacher Readiness For Marginalized Students*, 10(4), 235–245.
- Antoncic B., & Hisrich, R. D. 2001. Intrapreneurship: Construct refinement and cross-Cultural validation. *Journal of Business Venturing*. No. 16: 495 – 527.
- Antoncic, B., & Hisrich, R. D. 2003. “Clarifying the intrapreneurship concept”, *Journal of Small Business & Enterprise Development*, 2003, pp. 7- 24
- Armenakis, A., & Harris. (2002). Crafting a change message to create transformational readiness. *Journal of Organizational Change Management*, 15(2), 169–183.
- Armenakis, A., Harris, S., & Mossholder, K. 1993. Creating readiness for organizational change. *Human Relations*, 46(6), 681–703.
- Barnett Berry, Ann Byrd & Alan Wieder. 2013. *Teacherpreneurs: Innovative Teachers Who Lead But Don't Leave*. Jossey-Bass. San Francisco.
- Bunker, D. H. 2012. Teachers' orientation to teaching and their perceived readiness for 21<sup>st</sup> Century Learners. Tesis Dr Fal. Faculty of the Graduate School of The University of Texas.
- Cohen, L., Manion, L. & Marrison, K. 2011. *Research Methods In Education*. 7<sup>th</sup> Ed. Routledge. London and New York.
- Creswell, J.W. 2012. *Education Research Planning, Conducting And Evaluation Quantitative dan Qualitative Research*. Ed. Ke-4. New Jersey: Pearson Education Inc.
- Czerniawski, G. 2011. *Emerging Teachers and Globalisation*. Routledge. New York.
- Fayolle, A. & Kyro, P. 2008. *The Dynamics Between Entrepreneurship, Environment and Education*. UK: Edward Elgar Publishing.
- Fullan, M. 2011. *Makna Baru Perubahan Pendidikan: The New Meaning of Educational Change*. Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad, Kuala Lumpur.
- Hall, G. E., & Hord, S. M. (2011). *Implementing change: Patterns, principles, and potholes* (3rd ed.). Upper Saddle River, NJ: Pearson.
- Harris, A., Lown, M. & Prescott, W. 1982. *Curriculum Innovation*. The Open University Press. London.
- Hussein Ahmad. 2012. *Mission of Public Education in Malaysia: The Challenge of Transformation*. University of Malaya Press. Kuala Lumpur

- Institut Pendidikan Guru Malaysia. 2013. *Buku Panduan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Dengan Kepujian*. Kementerian Pelajaran Malaysia. Kuala Lumpur.
- Institut Pendidikan Guru Malaysia. 2014. *Buku Panduan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Dengan Kepujian*. Kementerian Pelajaran Malaysia. Kuala Lumpur
- Kementerian Pelajaran Malaysia 2005(a). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006 – 2010*. Kuala Lumpur.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2005(b). *Pendidikan Di Malaysia: Memartabatkan Kecemerlangan Pendidikan Negara*.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2010(a). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Pelaksanaan Penerapan Elemen Keusahawanan Merentas Kurikulum*. Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kuala Lumpur.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2010(b). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Bahagian Pembangunan Kurikulum*. Kuala Lumpur.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2011(a). *Penilaian Kurikulum dan Penaksiran Dalam Sistem Pendidikan Negara*. Laporan Akhir Kumpulan Penyelidik Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Kementerian Pelajaran Malaysia 2011(b). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah: Buku Panduan Elemen Keusahawanan* (Cetakan Kedua). Bahagian Pembangunan Kurikulum. Kuala Lumpur
- Kementerian Pelajaran Malaysia 2012. *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025*. Kuala Lumpur.
- Kuratko, D. F. 2010. Corporate Entrepreneurship: An Introduction and Research Review. International Handbook Series an Entrepreneurship. Volume 5. Part 2, pp:129-163.
- Kuratko, D. & Hodgets, R. 2007. Entrepreneurship: Theory, process & practice. (7<sup>th</sup> Ed). Ohio. Thomson, South-Western.
- Ling, T.Y dan Wah,L.L .2015. Profil tahap keprihatinan guru terhadap inovasi kurikulum standard sekolah rendah (KSSR) berdasarkan model *concern-based adoption model* (CBAM). *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* Julai 2015, 3(3). MA: Blackwell Publishers Ltd., 765 – 783.
- McClelland. D.C. 1987. Characteristics of successful entrepreneurs. *Journal of Creative Behaviour*. 21(3): 219-233.
- Mohamed Sani Ibrahim, Mohd Nizam Mohd Hamzah. 2012. *Pengurusan Perubahan Makro Dalam Pendidikan*. Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi.

- Mohd Asri Fear & Ahmad Esa. 2012. Penerapan Kemahiran Keusahawanan Menerusi Kokurikulum
- Muhammad Hussin. 2003. Kesiediaan Guru-Guru Dalam Penerapan Nilai-Nilai Keusahawanan di Sekolah-Sekolah Menengah Negeri Selangor Darul Ehsan. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norasmah Othman, Nor Hafiza Othman, Poo Bee Tin & Rahmah Ismail. 2012. Impak Globalisasi dan Tingkah Laku Pemilihan Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Universiti. PROSIDING PERKEM VII, JILID 1 (2012) 435 – 445 ISSN: 2231- 962X
- Nor Aishah Buang. 2013. *Pendidikan Keusahawanan*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, Selangor.
- Norashidah Binti Hashim. 2009. Kesiediaan keusahawanan pelajar dan persekitaran dalaman institusi pengajian tinggi awam Malaysia dalam melaksanakan pendidikan keusahawanan. Tesis PhD. Fakulti Pendidikan UKM.
- Norashidah Hashim, Norasmah Othman & Nor Aishah Buang. 2009. Konsep kesiediaan keusahawanan berdasarkan kajian kes usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34 (1) (2009): 187-203.
- Razali Ismail. 2003. *Menjantik Minda. Siri Memperkasa Profesionalisme Keguruan*. Bahagian Pendidikan Guru. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Razali Ismail. 2005. *Menjantik Minda 2. Siri Memperkasa Profesionalisme Keguruan*. Bahagian Pendidikan Guru. Kementerian Pendidikan Malaysia
- Rosnani Jusoh & Noazali Shahak. 2011. Kesiediaan guru terhadap pengajaran & pembelajaran pendidikan keusahawanan di sekolah rendah. *Prosiding Seminar Majlis Dekan-Dekan Pendidikan IPTA*. 2011.
- Sanders, M., & Ngxola, N. (2009). Identifying teachers' concerns about teaching evolution. *Journal of Biological Education*, 43(3), 121-128
- Scott D. & Morrison M. 2006. *Key Ideas In Educational Research*. London. New York: Continuum International Publishing Group.
- Sufean Hussin. 2004. *Dasar Pembangunan Pendidikan Malaysia. Teori dan Analisis*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Sufean Hussin. 2007. *Inovasi Dasar Pendidikan: Perspektif Sistem dan Organisasi*. Cetakan kedua. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.

Syed Ismail Syed Mustapa & Ahmad Subki Miskon. 2011. *Guru dan Cabaran Semasa*. (Cetakan ke-3). Penerbitan Multimedia. Selangor.

Zahri Aziz. 2014. *Guru Berkualiti Penjana Pendidikan Berkualiti*. Bahagian Pendidikan Guru. Kementerian Pelajaran Malaysia.

Zulfaka Bin Ishak. 2013. *Pemikiran Sains Keusahawanan: Kediaan mengintegrasikan pemikiran keusahawanan dalam pengajaran sains di Maktab Rendah Sains Mara*. Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan. UKM.